

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J02.01/10.12/2 Jld. 4 (18)

26 Mac 2025
25 Ramadan 1446

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 16/2025 BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2025

Dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri pada 21 Mac 2025 telah mengumumkan bayaran Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2025 sebanyak RM500.00 dibayar kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah termasuk pegawai/ kakitangan lantikan kontrak melalui Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 21 Mac 2025 dengan nombor rujukan JPA.800-3/2/4 (52) mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025.

2. Berdasarkan surat edaran tersebut, Lembaga Pengarah Universiti pada 26 Mac 2025 bersetuju supaya Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri ini dibayar kepada staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) gred 15 dan ke bawah bagi lantikan tetap, sementara, *Contract of Service* dan *Contract for Service* sebanyak RM500.00. Pemberian BKKA ini turut dipanjangkan kepada Pekerja Sambilan Harian yang telah dilantik dan masih berkhidmat pada 25 Februari 2025 tertakluk kepada peruntukan Jabatan masing-masing.

3. Pesara yang dilantik semula secara *Contract of Service* atau *Contract for Service* di UTM juga layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri sebanyak RM500.00. Walau bagaimanapun, pembayaran sebanyak RM250.00 akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya akan dibayar oleh Universiti.

4. Sehubungan dengan itu, Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025 ini akan dibayar pada 27 Mac 2025. Semua warga Universiti dimohon mengambil maklum berkaitan Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2025.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ZAIRES BIN MD DARIS)
Menjalankan Fungsi Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Ketua Kampus UTM (Cawangan Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah